ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2026

ANUGERAH PERSATUAN PENTADBIR UNIVERSITI AWAM
(ANUGERAH PROGRAM UNGGUL)

1. ASAS ANUGERAH

ANUGERAH PROGRAM UNGGUL merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada Persatuan Pentadbir Universiti Awam yang telah menganjur program berimpak tinggi dan memperolehi kejayaan yang mengagumkan. Program Unggul didefinisikan sebagai program atau aktiviti yang dijalankan oleh persatuan yang menonjol dan memberikan impak yang positif dalam komuniti atau organisasi. Penghargaan ini diberikan kepada program yang menunjukkan kecemerlangan dalam pencapaian matlamat, inovasi, kesan positif serta penglibatan yang meluas dari anggota persatuan dan komuniti.

2. KRITERIA

2.1 Penilaian adalah berdasarkan kepada program yang :

2.1.1 dianjurkan dan disertai oleh Persatuan Pentadbir sahaja;
2.1.2 berimpak tinggi untuk manfaat dan kepentingan ahli serta universiti;
2.1.3 boleh menjana pendapatan (bonus tambahan);
2.1.4 menarik banyak penyertaan daripada dalam / luar universiti; dan
2.1.5 pernah mendapat pengiktirafan di pelbagai peringkat di universiti / komuniti / negeri / kebangsaan dan antarabangsa;

2.2 Sumbangan dan pencapaian yang dinilai adalah dalam tempoh tiga (3) tahun terkini (2024, 2025 dan 2026) sahaja.

3. SYARAT – SYARAT & PERATURAN

3.1 Terbuka kepada semua Persatuan Pentadbir universiti awam.

3.2 Merupakan ahli yang berdaftar dengan MASTI.

3.3 Wajib menggunakan borang manual yang telah disediakan dan hendaklah dikemukakan melalui Pengerusi/Presiden Persatuan Pentadbir Universiti Awam masing-masing atau melalui pihak Pengurusan Universiti masing-masing.

3.4 Borang pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama dokumen berikut:

3.4.1 Bahan bukti sumbangan dan pencapaian (contoh: sijil, surat penghargaan, surat lantikan, laporan projek, bukti bergambar, keratan akhbar dan sebagainya). Bahan bukti yang dikemukakan hendaklah mempunyai keterangan jelas yang menunjukkan penglibatan persatuan seperti tertera nama / gambar exco atau ahli / mana-mana kaedah yang menjelaskan penglibatan persatuan. Mana-mana sumbangan dan pencapaian yang tidak mengemukakan bahan bukti tidak akan diterima dan tidak akan dinilai. Mana-mana bahan bukti yang tidak menunjukkan penglibatan calon secara jelas juga tidak akan diterima dan tidak akan dinilai.

3.5 Tarikh tutup pencalonan adalah sebagaimana maklumat pada poster induk.

4. HADIAH

4.1 Sijil Pemenang
4.2 Trofi
4.3 Wang Tunai bernilai :
- 4.3.1 Penarafan emas – RM300
- 4.3.2 Penarafan perak – RM200
- 4.3.3 Penarafan gangsa – RM100
- 4.3.4 Saguhati – Sijil

5. PROSEDUR PERMOHONAN DAN PEMILIHAN CALON

5.1 Pencalonan hendaklah dibuat menggunakan borang manual yang dikepilkan dalam laman web rasmi MASTI. Kaedah pencalonan adalah seperti berikut :

- 5.1.1 Mencalonkan diri sendiri; atau
- 5.1.2 Dicalonkan oleh rakan sekerja; atau
- 5.1.3 Dicalonkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) / Jabatan; atau
- 5.1.4 Dicalonkan oleh Presiden Persatuan Pentadbir

5.2 Penyertaan pencalonan yang pertama adalah PERCUMA. Manakala penyertaan pencalonan yang ke-2 dan seterusnya dikenakan bayaran sebanyak Ringgit Malaysia : Dua Puluh sahaja (RM20.00).

5.3 Semua pencalonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada urus setia untuk tujuan pemilihan muktamad. Hanya satu Persatuan Pentadbir sahaja akan dipilih sebagai pemenang bagi setiap penarafan.

5.4 Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada pencapaian markah minimum yang ditetapkan oleh Panel Penilai. Sekiranya tiada Persatuan yang mencapai markah minimum yang ditetapkan, tiada penerima bagi kategori anugerah ini.

5.5 Keputusan akhir yang telah dipersetujui oleh Panel Penilai Anugerah Pentadbir Universiti Awam dan Jawatankuasa Eksekutif MASTI akan dimaklumkan secara rasmi kepada setiap pemenang yang terpilih melalui Presiden Persatuan Pentadbir dan Pendaftar universiti masing-masing.

5.6 Semua keputusan yang dikeluarkan adalah muktamad.

6. PENUTUP

6.1 Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

Jawatankuasa Majlis Anugerah Gemilang (MAGMA),
Anugerah Pentadbir, Penjurian, Sistem & Hadiah

Pegawai (1) : Puan Kartini Tajul Urus - 012-200 1781
Pegawai (2) : Encik Helmee Yaacob - 012-719 2294